



MALAYSIA

**GARIS PANDUAN
PERUBAHAN PEMEGANGAN SAHAM
SYARIKAT KONSESI**

**UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
JABATAN PERDANA MENTERI**

KANDUNGAN

TUJUAN	3
LATARBELAKANG	3
KRITERIA DAN SYARAT	4
i) PERUBAHAN PEMEGANGAN SAHAM SYARIKAT KONSESI	4
ii) NOVASI PERJANJIAN KONSESI	6
PEMAKAIAN	7
KAJIAN SEMULA DAN PINDAAN	7
PERMOHONAN	7
SENARAI LAMPIRAN	10
- Lampiran A – Senarai Semak Novasi Perjanjian Konsesi	10
- Lampiran 1 – Carta Aliran	11
Lampiran 1A –Proses Kelulusan Perubahan Pemegangan Saham	11
Lampiran 1B –Proses Kelulusan Novasi Perjanjian Konsesi	12
- Lampiran 2 - Senarai dokumen-dokumen sokongan	13
- Lampiran 3 – Akuan Bersumpah	14
- Lampiran 4 – <i>Integrity Pact</i>	15
- Lampiran 5– Norma Kerja	16

TUJUAN

1. Tujuan Garis Panduan Perubahan Pemegangan Saham syarikat projek PPP¹/penswastaan ini adalah untuk:
 - i. menyeragamkan proses permohonan penukaran pemegangan saham syarikat konsesi;
 - ii. memperincikan faktor-faktor dan elemen yang perlu dipertimbangkan dalam proses menukar pemegangan saham;
 - iii. menjadi rujukan dalam melaksanakan proses menukar pemegangan saham; dan
 - iv. meningkatkan kecekapan dan ketelusan proses menukar pemegangan saham.

LATARBELAKANG

2. Dasar dan strategi penswastaan telah diperkenalkan oleh Kerajaan pada tahun 1983. Ianya melibatkan proses pemindahan aktiviti dan fungsi pada tradisinya merupakan tanggungjawab sektor awam kepada sektor swasta. Pendekatan ini mencerminkan hasrat Kerajaan untuk mengurangkan penglibatannya dalam ekonomi serta tahap dan skop perbelanjaan awam dan pada masa yang sama membenarkan kuasa pasaran menentukan aktiviti ekonomi.

3. Program Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) yang merupakan subset kepada dasar penswastaan telah diumumkan dalam Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMKe-9) pada Mac 2006 bertujuan untuk memudahkan lebih banyak penyertaan sektor awam dalam meningkatkan penyampaian kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan awam. PFI dilaksanakan sebagai sebahagian daripada kaedah perolehan baru di bawah Kerjasama Awam Swasta (PPP).

¹ PPP merujuk kepada Kerjasama Awam Swasta (*Public Private Partnerships* – PPP) yang melibatkan pemindahan kepada sektor swasta tanggungjawab untuk membiaya dan mengurus pakej pelaburan modal dan perkhidmatan.

4. Salah satu kaedah PPP ialah melibatkan pemindahan kepada sektor swasta tanggungjawab membiayai dan mengurus satu pakej pelaburan modal dan perkhidmatan termasuk pembinaan, pengurusan, penyenggaraan, pembaikan dan penggantian aset sektor awam seperti bangunan, infrastruktur, peralatan dan kemudahan lain yang mewujudkan satu *stand alone business*. Sektor swasta akan membangunkan aset dan menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan di sektor awam. Sebagai pulangan, sektor swasta akan menerima bayaran dalam bentuk sewa pajakan yang selaras dengan tahap, kualiti dan ketepatan masa perkhidmatan yang diberikan sepanjang tempoh konsesi. Aset dan kemudahan tersebut akan dipindahkan kepada sektor awam di akhir tempoh konsesi.

5. Setiap projek PPP/penswastaan melibatkan perjanjian penswastaan atau konsesi yang ditandatangani oleh Kerajaan dan syarikat konsesi. Klausula-klausula standard dalam perjanjian penswastaan atau konsesi, antara lain memperuntukkan supaya syarikat dikehendaki mendapatkan persetujuan secara bertulis Kerajaan melalui UKAS, JPM untuk mengubah pemegang saham syarikat dalam tempoh konsesi.

6. Lazimnya, syarikat konsesi akan melakukan perubahan dalam struktur pemegang dan pemilikan saham dalam tempoh konsesi bagi tujuan mendapatkan pengumpulan saham (*allotment of shares*) dan pertambahan modal syarikat. Perubahan pemegang saham boleh berlaku di antara pemegang-pemegang saham dalam syarikat konsesi yang sama melalui satu perjanjian jual beli saham. Manakala perubahan pemegang dan pemilikan saham berlaku yang melibatkan pemindahan hak kepunyaan, tanggungan dan aset kepunyaan oleh syarikat konsesi kepada pihak yang lain secara menyeluruh (*total*), oleh itu, suatu perjanjian novasi perlu ditandatangani.

KRITERIA DAN SYARAT

7. PERUBAHAN PEMEGANGAN SAHAM SYARIKAT KONSESI

Syarikat yang memohon untuk menukar pemegang saham/struktur pemegang saham syarikat perlu mematuhi kriteria dan syarat kelayakan seperti berikut:

- 7.1. Tiada perubahan pemegangan saham dalam tempoh moratorium kecuali bagi maksud penyenaian di Bursa Malaysia;
- 7.2. Tempoh moratorium bagi sektor perkhidmatan adalah minimum 2 tahun manakala sektor pembinaan adalah 3 tahun ke atas bergantung pada tempoh pembinaan projek;
- 7.3. Persetujuan pemegang saham sedia ada perlu diperolehi semasa permohonan dikemukakan menerusi resolusi lembaga pengarah;
- 7.4. Pertukaran pemegangan saham boleh berlaku kepada syarikat atau individu. Permohonan mesti dibuat oleh syarikat konsesi sedia ada dan dibuat secara bertulis kepada UKAS, JPM tertakluk kepada kelulusan Kerajaan;
- 7.5. Sebarang perubahan pemegangan saham adalah pada semua peringkat SPV dan syarikat induk kecuali syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia;
- 7.6. Agihan pemegangan saham hendaklah mengikut perjanjian konsesi dan pemegangan saham bumiputera tidak kurang daripada tiga puluh peratus (30%) daripada keseluruhan pemegangan saham;
- 7.7. Permohonan cadangan perubahan pemegangan saham hendaklah menyatakan dengan jelas perkara seperti berikut:
 - i) Tujuan penjualan/perubahan saham;
 - ii) Bilangan saham yang dijual;
 - iii) Nilai saham yang terbabit;
 - iv) Penggunaan hasil jualan saham;
 - v) Latar belakang pembeli/penerima saham yang baru;
 - vi) Komposisi pemegangan saham warganegara dan asing sebelum dan selepas jual beli saham; dan

- vii) Komposisi pemegangan saham bumiputera dan bukan bumiputera sebelum dan selepas jual beli saham.
- 7.8. Syarikat mestilah mempunyai modal berbayar sekurang-kurangnya RM275,000 untuk melaksanakan proses pertukaran pemegangan saham;
- 7.9. Setelah mendapat kelulusan Kerajaan, proses pertukaran pemegangan saham hendaklah dimuktamadkan dengan menandatangani perjanjian jual beli saham; dan
- 7.10. Semua keputusan Kerajaan berkenaan dengan permohonan pemegangan saham ini adalah **muktamad**.

8. **NOVASI PERJANJIAN KONSESI**

Novasi perjanjian konsesi daripada syarikat sedia ada kepada syarikat baru perlu memenuhi kriteria dan syarat seperti berikut:

- 8.1. Tiada perubahan pemegangan saham dalam tempoh moratorium kecuali bagi maksud penyenaraian di Bursa Malaysia;
- 8.2. Tempoh moratorium bagi sektor perkhidmatan adalah minimum 2 tahun manakala sektor pembinaan adalah 3 tahun ke atas bergantung pada tempoh pembinaan projek;
- 8.3. Pemohon-pemohon mestilah terdiri daripada pemegang saham sedia ada dan penerima-penerima novasi mestilah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965;
- 8.4. Permohonan bertulis perlu dikemukakan secara lengkap kepada Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri;

- 8.5. Pemohon dan penerima novasi perlu menyerah dan menerima **keseluruhan obligasi**, aset dan liabiliti di bawah perjanjian konsesi asal. Obligasi kepada perjanjian konsesi yang dimaksudkan adalah dalam bentuk obligasi termasuk perkara-perkara berikut (jika ada):
- i) Hutang syarikat;
 - ii) Pembayaran Socso/KWSP/Insuran;
 - iii) Aktiviti CSR;
 - iv) Latihan; dan
 - v) Lain-lain
- 8.6. Sebelum proses novasi dilaksanakan, perkara berikut perlu diteliti dan diambil kira iaitu dengan menganalisa perkara seperti di **Lampiran A**:
- 8.7. Novasi seharusnya tidak menjejaskan kedudukan serta hak sedia ada pekerja di dalam syarikat;
- 8.8. Novasi mungkin melibatkan rundingan semula terma-terma perjanjian konsesi/penswastaaan;
- 8.9. Syarikat mestilah mempunyai modal berbayar sekurang-kurangnya RM275,000 untuk melaksanakan proses pertukaran pemegang saham;
- 8.10. Setelah mendapat kelulusan Kerajaan, proses novasi hendaklah dimuktamadkan dengan menandatangani perjanjian novasi, dan/atau perjanjian tambahan (*supplemental agreement*) serta perjanjian jual beli saham dan perjanjian penyelesaian, jika ada dan di mana yang sesuai; dan
- 8.11. Semua keputusan Kerajaan berkenaan dengan permohonan pemegang saham ini adalah **muktamad**.

PEMAKAIAN

9. Garis Panduan ini terpakai untuk semua perjanjian PPP.

KAJIAN SEMULA DAN PINDAAN

10. Garis Panduan ini boleh dikaji semula dan dipinda dari semasa ke semasa.

PERMOHONAN

11. Syarikat hendaklah mengemukakan kertas cadangan permohonan yang menyertakan dokumen-dokumen sokongan seperti di **Lampiran 2**. Syarikat juga dikehendaki mengemukakan Akuan Bersumpah seperti di **Lampiran 3** dan *Integrity Pact* seperti di **Lampiran 4**.

12. Sebarang maklumat tambahan yang diminta oleh pihak urus setia hendaklah dikemukakan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh makluman. Sekiranya syarikat gagal mengemukakan maklumat berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan, permohonan tersebut akan dianggap terbatal dengan sendirinya.

13. Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah
Unit Kerjasama Awam Swasta
Jabatan Perdana Menteri
Aras 14, Blok Menara
Menara Usahawan
Lot 2G6, No 18 Persiaran Perdana Presint 2
62562 PUTRAJAYA

14. Sebarang pertanyaan berkenaan garis panduan hendaklah diajukan di talian: **03-8880 5873** atau faks: **03-8880 5810** atau E-mel: feedback@ukas.gov.my.


SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A – Senarai Semak Novasi Perjanjian Konsesi
- Lampiran 1 – Carta Proses Kelulusan
 - Lampiran 1A – Carta Proses Kelulusan Perubahan Pemegangan Saham
 - Lampiran 1B – Carta Proses Kelulusan Novasi Perjanjian Konsesi
- Lampiran 2 - Senarai dokumen-dokumen sokongan
- Lampiran 3 – Akuan Bersumpah
- Lampiran 4 – *Integrity Pact* (5A dan 5B)
- Lampiran 5 – Norma Kerja


SENARAI SEMAK NOVASI PERJANJIAN KONSESI

- i) Keupayaan Syarikat Penerima/Syarikat Induk**
- Struktur Permodalan Syarikat;
 - Pendapatan dan pulangan;
 - Pengalaman syarikat dalam aktiviti yang diambil alih;
 - Keupayaan dan kepakaran pengurusan.
- ii) Pendedahan oleh syarikat pemohon dan penerima maklumat Perjanjian dan kontrak**
- Pemohon dan penerima memberikan maklumat terperinci berkaitan dengan tanggungan (*secured and unsecured/trade creditors*) yang perlu dipenuhi oleh syarikat pemohon dan penerima.
- iii) *Contigent liabilities dan komitmen modal***
- *Potensi tuntutan oleh pengurusan, kes-kes mahkamah termasuk injunksi, tanggungan dipertikaikan dan jaminan korporat;*
 - *Komitmen modal;*
 - *Kos-kos dan tanggungan lain.*
- iv) Aset dan Harta milikan**
- Senarai dan nilai aset menurut nilai buku yang dimiliki oleh pemohon.
- v) Maklumat-maklumat kewangan**
- Maklumat terkini penyata kewangan yang telah diaudit syarikat pemohon dan penerima bagi tempoh tiga tahun berturut-turut;
 - Maklumat mengenai *potential write off/write downs in inventories*.
- vi) Perkara-perkara lain**
- Draf Perjanjian Jual Beli dan perjanjian penyelesaian.

CARTA ALIRAN PROSES PERUBAHAN PEMEGANGAN SAHAM



CARTA ALIRAN PROSES NOVASI PERJANJIAN KONSESI



SENARAI DOKUMEN-DOKUMEN SOKONGAN

1. Laporan Kewangan Tahunan syarikat yang telah diaudit bagi tiga (3) tahun terakhir atau Laporan Pengurusan Kewangan syarikat yang terkini (bagi novasi);
2. Borang 8 atau Borang 9 (mana-mana yang berkenaan), Borang 24, 44 dan 13 (sekiranya berkaitan) di bawah Akta Syarikat 1965;
3. Memorandum dan Artikel syarikat; dan
4. Borang 49 syarikat (sekiranya pemegang saham terdiri dari syarikat korporat, sila kemukakan dokumen-dokumen 4-6 syarikat pemegang saham berkenaan).
5. Dokumen-dokumen lain yang diperlukan oleh UKAS, JPM.

AKUAN BERSUMPAH

Saya, (Nama)* dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan dalam permohonan ini adalah benar dan saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa akuan ini adalah benar, serta menurut kuasa peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya diakui oleh yang tersebut namanya di atas

.....

.....

di

di Negeri

pada hari bulan

.....,20.....

Di hadapan saya,

.....

*(Tandatangan Hakim
Mahkamah Seksyen, Majistret
atau Pesuruhjaya Sumpah)*

Nota: * Ditandatangani oleh individu yang diberi kuasa oleh syarikat.

INTEGRITY PACT
SURAT AKUAN INTEGRITI
(Integrity Pact)

Perakuan Novasi bagi _____

Saya, (Nama Wakil Syarikat) nombor K.P./MYKad (000000 – 00 – 0000) yang mewakili (Nama Syarikat) nombor pendaftaran (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Kerajaan atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk sebarang tujuan berkaitan dengan kelulusan proses perubahan pemegangan saham/novasi, sama ada sebelum, selepas atau semasa proses penilaian dijalankan. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Kerajaan atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk sebarang tujuan berkaitan dengan proses perubahan pemegangan saham/novasi, sama ada sebelum, selepas atau semasa proses penilaian dijalankan, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1. penarikan balik kelulusan perubahan pemegangan saham/novasi di atas; atau
- 2.2. lain-lain tindakan undang-undang sedia ada.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk sebarang tujuan berkaitan dengan kelulusan perubahan pemegangan saham/novasi, sama ada sebelum, selepas atau semasa proses penilaian dijalankan, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

(Tandatangan)
(NAMA dan No. K.P./MYKad)

Cop Syarikat :
Nota:

NORMA KERJA

1. Akuan Penerimaan Permohonan akan dikeluarkan kepada syarikat pemohon dalam tempoh 3 hari bekerja daripada tarikh permohonan diterima.
2. Permohonan yang tidak lengkap akan dimaklumkan kepada syarikat dalam masa 14 hari daripada tarikh permohonan.
3. Penilaian oleh Urus setia dalam masa 30 hari selepas cadangan diterima.
4. Penilaian kertas cadangan oleh pihak Urus setia untuk perakuan JKAS akan dibuat dalam masa 15 hari daripada tarikh semakan. Syarikat pemohon juga akan diminta untuk memberi taklimat kepada JKAS di dalam tempoh ini.
5. Permohonan yang diperakukan oleh JKAS akan diangkat untuk kelulusan Y.A.B. Perdana Menteri/Kabinet dalam tempoh 30 hari daripada tarikh mesyuarat JKAS. Tempoh kelulusan masih tertakluk kepada pembentangan ke Kabinet atau kelulusan YAB Perdana Menteri.
6. Kelulusan Y.A.B. Perdana Menteri akan dimaklumkan kepada syarikat pemohon dengan salinan kepada Kementerian kewangan dalam masa 7 hari selepas tarikh kelulusan.
7. Penyediaan perjanjian Perubahan Pemegangan Saham/Novasi dan mendapat kelulusan Jabatan Peguam Negara dalam masa 30 hari.
8. Menandatangani Perjanjian Perubahan Pemegangan Saham/Novasi (7 hari).